



DR. MAHATHIR MOHAMAD

# Hak Anwar fail saman RM100j

KUALA LUMPUR 23 Sept. - Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, tindakan Datuk Seri Anwar Ibrahim memfailkan tuntutan saman RM100 juta ke atasnya hari ini adalah hak bekas timbalan perdana menteri itu.

Dr. Mahathir berkata, beliau tidak mempunyai apa-apa masalah dengan tindakan terbaru itu kerana Anwar berhak berbuat demikian mengikut undang-undang.

"Terpulang kepada dia (nak teruskan saman itu)," katanya kepada pemberita sebelum Majlis Makan Malam India Malaysia dan Anugerah Pencapaian 2005 yang dirasmikan oleh isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor di sini malam ini. Turut hadir Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.